


Journal of Ma'ālim al-Qur'ān wa al-Sunnah
Volume 22 No. 7 (2026)
ISSN: 1823-4356 | e-ISSN: 2637-0328
Homepage: <https://jmqs.usim.edu.my/>



- Title : **Qur'ānic and Prophetic Values within the Malaysia Madani Framework: An Assessment of Muslim Community Understanding in Kuala Kangsar, Perak**
- Author (s) : Mohd Fadhil Bin Mohd Sayuti, Hamidah Binti Mat
- Affiliation (s) : Open University Malaysia
- DOI : <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.630>
- History : Received: April 1, 2026; Revised: May 15, 2026; Accepted: June 1, 2026; Published: June 30, 2026.
- Citation : Mohd Fadhil Mohd Sayuti, & Hamidah Mat. Nilai al-Qur'ān dan Kenabian dalam Kerangka Malaysia Madani: Penilaian terhadap Kefahaman Komuniti Muslim di Kuala Kangsar, Perak: Qur'ānic and Prophetic Values within the Malaysia Madani Framework: An Assessment of Muslim Community Understanding in Kuala Kangsar, Perak. *Ma'ālim Al-Qur'ān Wa Al-Sunnah*, 22(1), 572–600. <https://doi.org/10.33102/jmqs.v22i1.630>
- Copyright : © The Authors
- Licensing :  This article is open access and is distributed under the terms of [Creative Commons Attribution 4.0 International License](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)
- Conflict of Interest : Author(s) declared no conflict of interest

**Nilai al-Qur'ān dan Kenabian dalam Kerangka Malaysia Madani:
Penilaian terhadap Kefahaman Komuniti Muslim di Kuala
Kangsar, Perak**

**Qur'ānic and Prophetic Values within the Malaysia Madani
Framework: An Assessment of Muslim Community
Understanding in Kuala Kangsar, Perak**

Mohd Fadhil Mohd Sayuti*

Faculty of Social Sciences and Humanities
Open University Malaysia

Hamidah Mat

Faculty of Social Sciences and Humanities
Open University Malaysia

Abstrak

Kajian ini meneliti tahap kefahaman masyarakat Islam di Kuala Kangsar, Perak terhadap konsep Negara Madani sebagaimana dioperasionalkan melalui kerangka Malaysia MADANI yang menggariskan enam nilai teras iaitu keMampanan, keSejahteraan, Daya Cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. Dalam tradisi pemikiran Islam, gagasan madaniyyah berakar pada pembinaan adab, akhlak dan keseimbangan sosial yang menjamin kemaslahatan masyarakat. Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan kuantitatif melibatkan seramai 60 orang responden daripada beberapa mukim di Kuala Kangsar. Instrumen soal selidik dibina berdasarkan konstruk enam nilai Malaysia MADANI dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif melalui pengiraan min dan sisihan piawai bagi menilai tahap kefahaman responden terhadap setiap nilai. Dapatan kajian menunjukkan bahawa dalam kalangan responden kajian ini, tahap kefahaman terhadap konsep Negara Madani berada pada tahap tinggi secara keseluruhan. Nilai hormAt mencatatkan skor min tertinggi, diikuti oleh Daya Cipta dan keyakiNan, manakala Ihsan, keMampanan dan keSejahteraan turut berada dalam kategori tinggi. Kajian ini menegaskan bahawa pengukuhan nilai Negara Madani memerlukan pendekatan pendidikan yang menghubungkan kerangka nilai nasional dengan naratif agama, adab setempat dan kerangka maqāṣid al-sharīah agar nilai MADANI dapat berfungsi sebagai budaya hidup masyarakat.

*Correspondence concerning this article should be addressed to Mohd Fadhil Mohd Sayuti Open University Malaysia at fadhil281289@gmail.com

Kata kunci: Negara Madani; Malaysia Madani; nilai; madaniyyah; maqāṣid al-sharīah; Kuala Kangsar.

Abstract

This study investigates the level of understanding among the Muslim community in Kuala Kangsar, Perak, regarding the concept of *Negara Madani* as articulated through the Malaysia MADANI framework, which is underpinned by six core values: sustainability (*keMampanan*), prosperity (*keSejahteraan*), creativity (*daya cipta*), respect (*hormaAt*), confidence (*keyakiNan*), and *ihsan*. Within the Islamic intellectual tradition, the notion of *madaniyyah* is intrinsically linked to the cultivation of *adab*, ethical refinement, and the establishment of social equilibrium aimed at achieving holistic well-being. The primary objective of this study is to assess the extent to which these values are understood and internalised at the community level. Employing a quantitative research design, data were collected through a structured questionnaire administered to 60 respondents across several *mukim* in Kuala Kangsar. The instrument was constructed based on the six MADANI values and analysed using descriptive statistical methods, specifically mean scores and standard deviations, to gauge levels of comprehension. The findings reveal that the overall understanding of *Negara Madani* among respondents is high, with the value of respect (*hormaAt*) recording the highest mean score, followed by creativity (*daya cipta*) and confidence (*keyakiNan*), while *ihsan*, sustainability, and prosperity also fall within the high category. These results suggest a generally positive reception of the MADANI framework at the grassroots level. The study concludes by emphasising the necessity of strengthening these values through integrative educational strategies that align national policy constructs with religious narratives, local cultural ethics, and the framework of *maqāṣid al-sharīah*, thereby enabling MADANI principles to function not merely as policy ideals but as a lived social reality.

Keywords: Malaysia Madani; values; madaniyyah; maqāṣid al-sharīah; Kuala Kangsar.

1.0 PENGENALAN

Konsep Negara Madani semakin mendapat perhatian dalam wacana kontemporari Malaysia, khususnya selepas pengenalan kerangka Malaysia MADANI sebagai hala tuju nilai nasional sejak tahun 2023. Gagasan ini dikemukakan sebagai usaha membina sebuah masyarakat yang berteraskan nilai keadilan, ihsan, kesejahteraan dan keseimbangan antara pembangunan material serta pembinaan akhlak. Dalam konteks ini, nilai tidak difahami sebagai slogan dasar semata-mata, tetapi sebagai asas pembentukan budaya

sosial, integriti awam dan tanggungjawab kolektif masyarakat.¹ Negara Madani sebagaimana yang digariskan dalam kerangka Malaysia MADANI menuntut pembinaan masyarakat yang bukan sahaja maju dari sudut ekonomi dan fizikal, tetapi juga kukuh dari sudut moral, etika dan hubungan sosial.

Dalam tradisi pemikiran Islam, konsep madaniyyah mempunyai akar epistemologi yang mendalam dan tidak terpisah daripada pembinaan insan beradab. Ibn Khaldūn menegaskan bahawa manusia bersifat *madanī bi al-ṭabʿ*, iaitu secara fitrahnya cenderung hidup bermasyarakat dan memerlukan sistem nilai bagi menjamin kelangsungan tamadun.² Pandangan ini menunjukkan bahawa pembinaan masyarakat madani tidak boleh dipisahkan daripada dimensi moral dan sosial, kerana hubungan antara individu, kelompok dan institusi hanya dapat berfungsi dengan baik apabila diikat oleh nilai dan norma bersama. Al-Ghazālī pula menekankan bahawa kesejahteraan masyarakat bergantung kepada kesatuan antara akhlak individu dan struktur sosial yang adil, kerana kerosakan akhlak akan menatijahkan keruntuhan masyarakat secara menyeluruh.³ Oleh itu, madaniyyah dalam Islam tidak difahami sebagai kemajuan material semata-mata, tetapi sebagai keseimbangan antara adab, keadilan dan tanggungjawab sosial.

Kerangka Malaysia MADANI memperincikan gagasan Negara Madani melalui enam nilai teras, iaitu keMampanan, keSejahteraan, Daya Cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan.⁴ Keenam-enam nilai ini dirangka bagi membimbing masyarakat ke arah pembangunan yang seimbang, inklusif dan berteraskan etika. Dari perspektif Islam, nilai-nilai tersebut selari dengan prinsip *maqāṣid al-sharīʿah* yang menekankan pemeliharaan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.⁵ Nilai hormAt dan Ihsan berkait rapat dengan konsep adab dan ihsan yang menjadi teras pembentukan akhlak, manakala keyakiNan dan keSejahteraan mencerminkan amanah serta keseimbangan sosial yang ditekankan dalam al-Qurʿan dan al-Sunnah. Keselarasan ini menunjukkan bahawa gagasan Negara Madani mempunyai titik temu yang signifikan dengan kerangka normatif Islam, khususnya dalam usaha membina masyarakat yang beradab dan bertanggungjawab.

Walau bagaimanapun, keberkesanan sesuatu kerangka nilai nasional tidak hanya bergantung kepada kejelasan konsep atau kesempurnaan dokumen dasar, tetapi sangat bergantung kepada tahap kefahaman

¹ Jabatan Perdana Menteri Malaysia, *Malaysia MADANI: Memperkasakan Rakyat* (Putrajaya: JPM, 2023).

² Ibn Khaldūn, *al-Muqaddimah* (Beirut: Dār al-Fikr, 2004), 95–97.

³ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyāʾ ʿUlūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-ʿIlmiyyah, t.t.), 3:53–55.

⁴ Jabatan Perdana Menteri Malaysia, *Hala Tuju Negara Malaysia MADANI* (Putrajaya: JPM, 2023).

⁵ Ibrāhīm al-Shāṭibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharīʿah* (Beirut: Dār al-Maʿrifah, 1997), 2:8–10.

masyarakat terhadap nilai tersebut, khususnya di peringkat akar umbi. Beberapa kajian menunjukkan bahawa masyarakat cenderung memahami nilai dalam bentuk normatif atau simbolik, namun jurang sering wujud antara kefahaman kognitif dan penghayatan nilai dalam kehidupan seharian.⁶ Jurang ini berpotensi menyebabkan nilai yang digariskan dalam dasar awam kekal sebagai wacana ideal tanpa diterjemahkan secara konsisten dalam orientasi moral dan amalan sosial masyarakat. Dalam konteks ini, penilaian empirikal terhadap kefahaman masyarakat menjadi penting bagi memastikan gagasan Negara Madani benar-benar berfungsi sebagai nilai hidup, bukan sekadar naratif dasar.

Isu kefahaman nilai ini menjadi lebih signifikan dalam konteks komuniti luar bandar yang mempunyai struktur budaya, proses sosialisasi agama dan jaringan sosial yang tersendiri. Komuniti luar bandar lazimnya dibentuk oleh tradisi setempat, institusi agama dan hubungan kekeluargaan yang rapat, yang mempengaruhi cara nilai nasional ditafsir dan dihayati. Oleh itu, kajian yang menilai tahap kefahaman nilai Negara Madani dalam konteks luar bandar dapat memberikan gambaran yang lebih bernuansa tentang interaksi antara nilai dasar nasional, budaya tempatan dan ajaran agama.

Kuala Kangsar merupakan konteks kajian yang signifikan dalam hal ini kerana daerah ini mempunyai komposisi masyarakat Melayu-Islam yang kukuh dengan tradisi adab, institusi agama yang aktif serta hubungan sosial yang rapat. Sebagai Bandar Diraja Perak, nilai hormat, kesantunan dan kesalingan sosial masih kuat berakar dalam kehidupan masyarakat setempat. Pada masa yang sama, Kuala Kangsar tidak terasing daripada arus wacana nasional dan pelaksanaan dasar semasa. Keunikan ini menjadikan Kuala Kangsar sebagai tapak yang sesuai untuk menilai penerimaan dan kefahaman nilai Malaysia MADANI dalam kalangan masyarakat luar bandar yang berteraskan budaya Melayu-Islam.

Walaupun gagasan Negara Madani sering dibincangkan dalam wacana dasar dan pentadbiran, persoalan utama yang masih memerlukan penelitian empirikal ialah sejauh mana nilai-nilai tersebut difahami secara tepat oleh masyarakat Islam di peringkat akar umbi. Dalam kajian nilai, kefahaman bukan sekadar merujuk kepada pengetahuan tentang istilah atau slogan, tetapi merangkumi kesedaran terhadap makna, rasional dan implikasi nilai tersebut dalam kehidupan bermasyarakat. Oleh itu, penilaian tahap kefahaman masyarakat terhadap konsep Negara Madani melalui indikator enam nilai Malaysia MADANI menjadi penting bagi mengenal pasti kekuatan dan ruang penambahbaikan dalam usaha pembinaan masyarakat madani.

⁶ Norani Othman, *Sharing the Nation: Faith, Difference, Power and the State 50 Years after Merdeka* (Petaling Jaya: SIRD, 2008), 112–115.

Sehubungan itu, kajian ini memberi tumpuan kepada penilaian tahap kefahaman masyarakat Islam di Kuala Kangsar terhadap konsep Negara Madani berdasarkan enam nilai utama Malaysia MADANI, iaitu keMampanan, keSejahteraan, Daya Cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. Secara khusus, kajian ini bertujuan:

- i) menilai tahap kefahaman keseluruhan responden kajian dalam kalangan masyarakat Islam Kuala Kangsar terhadap konsep Negara Madani; dan
- ii) menilai tahap kefahaman masyarakat Islam Kuala Kangsar terhadap setiap nilai teras Malaysia MADANI.

Bagi memenuhi objektif tersebut, soalan kajian yang dirumuskan ialah:

- i) Apakah tahap kefahaman keseluruhan responden kajian dalam kalangan masyarakat Islam Kuala Kangsar terhadap konsep Negara Madani?; dan
- ii) Apakah tahap kefahaman masyarakat Islam Kuala Kangsar terhadap setiap nilai teras Malaysia MADANI?

Melalui penetapan objektif dan soalan kajian yang jelas, kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada perbincangan akademik berkaitan nilai madaniyyah dari perspektif Islam serta menyediakan asas empirikal bagi pengukuhan pendidikan nilai di peringkat komuniti agar gagasan Negara Madani dapat berfungsi sebagai budaya hidup masyarakat, bukan sekadar wacana dasar.

2.0 SOROTAN LITERATUR & KERANGKA KONSEPTUAL MADANIYYAH

2.1 Madaniyyah dalam Tradisi Pemikiran Islam

Perbahasan mengenai konsep madaniyyah mempunyai akar yang kukuh dalam tradisi pemikiran Islam klasik. Istilah madaniyyah berasal daripada kata *madīnah* yang merujuk kepada kehidupan bermasyarakat yang tersusun, beradab dan berpaksikan nilai. Dalam kerangka ini, pembinaan masyarakat tidak dinilai semata-mata berdasarkan kemajuan material, tetapi diukur melalui kualiti akhlak, keadilan sosial dan kesedaran moral yang membentuk hubungan antara individu serta institusi masyarakat.

Ibn Khaldūn menegaskan bahawa manusia bersifat *madanī bi al-ṭabʿ*, iaitu secara fitrahnya cenderung hidup bermasyarakat dan tidak mampu

memenuhi keperluan hidup secara bersendirian.⁷ Pandangan ini meletakkan keperluan kepada sistem nilai dan autoriti sosial sebagai prasyarat kelangsungan tamadun. Menurut beliau, kekuatan sesebuah masyarakat bergantung kepada kesepaduan nilai moral, solidariti sosial dan keadilan dalam hubungan sesama manusia. Tanpa nilai-nilai ini, tamadun akan mengalami kemerosotan walaupun memiliki kemajuan ekonomi dan ketenteraan.

Al-Fārābī melalui karya *Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah* menekankan bahawa masyarakat beradab terbentuk apabila warganya berkongsi tujuan hidup yang berasaskan kebaikan, kebijaksanaan dan keadilan.⁸ Beliau membezakan antara masyarakat utama (*al-madīnah al-fāḍilah*) dan masyarakat yang sesat (*al-madīnah al-ḍāllah*), dengan menegaskan bahawa kemajuan material tanpa panduan nilai akan melahirkan ketidakseimbangan dalam kehidupan sosial. Pandangan ini mengukuhkan hujah bahawa madaniyyah Islam menuntut kesatuan antara akal, akhlak dan tujuan hidup.

Al-Māwardī pula menegaskan bahawa keadilan dan amanah merupakan asas kelangsungan negara dan masyarakat. Dalam *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah*, beliau menjelaskan bahawa pengkhianatan amanah dan kezaliman dalam pemerintahan akan melemahkan kepercayaan rakyat serta meruntuhkan struktur sosial secara berperingkat.⁹ Pandangan ini menunjukkan bahawa madaniyyah Islam bukan hanya berlegar pada dimensi individu, tetapi merangkumi tanggungjawab kolektif dan tadbir urus yang beretika.

Al-Ghazālī mengaitkan pembinaan masyarakat madani dengan pembinaan akhlak dan penyucian jiwa (*tazkiyat al-nafs*). Menurut beliau, kerosakan masyarakat bermula daripada kerosakan hati individu, dan pembaikan sosial tidak akan berlaku tanpa pembaikan dalaman insan.¹⁰ Dari perspektif ini, madaniyyah Islam merangkumi dimensi zahir dan batin, di mana pembinaan struktur sosial yang adil perlu disokong oleh kesedaran moral dan spiritual individu.

Kerangka madaniyyah yang dibangunkan oleh para sarjana Islam klasik ini berasaskan prinsip kehidupan bermasyarakat yang menegakkan keadilan, adab dan tanggungjawab kolektif. Prinsip ini selari dengan penegasan al-Qur'an bahawa pembinaan masyarakat yang baik bermula dengan pembentukan nilai dan akhlak dalam kalangan manusia, sebagaimana

⁷ Ibn Khaldūn, *al-Muqaddimah* (Beirut: Dār al-Fikr, 2004), 93–100.

⁸ Abū Naṣr al-Fārābī, *Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah* (Beirut: Dār al-Mashriq, 1985), 67–72.

⁹ Abū al-Ḥasan al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989), 15–18.

¹⁰ Abū Ḥāmid al-Ghazālī, *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn* (Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, t.t.), 3:9–12.

firman Allah SWT: “*Sesungguhnya Allah tidak akan mengubah keadaan sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.*”¹¹

2.2 Malaysia MADANI sebagai Adaptasi Kontemporari Madaniyyah Islam

Malaysia MADANI yang diperkenalkan pada tahun 2023 merupakan usaha adaptasi kontemporari terhadap gagasan Negara Madani dalam konteks negara-bangsa moden. Kerangka ini menggariskan enam nilai teras iaitu keMampanan, keSejahteraan, Daya Cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan sebagai asas pembinaan masyarakat beradab, seimbang dan inklusif.¹² Walaupun dirumuskan dalam bentuk dasar nasional, nilai-nilai ini tidak terpisah daripada prinsip asas madaniyyah Islam yang menekankan keadilan, akhlak dan tanggungjawab sosial.

Dalam kerangka maqāsid al-sharī'ah, al-Shātibī menjelaskan bahawa tujuan utama syariah adalah memelihara agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.¹³ Keenam-enam nilai Malaysia MADANI dapat difahami sebagai manifestasi praktikal kepada maqāsid tersebut. Nilai keMampanan mencerminkan pemeliharaan alam dan kesinambungan kehidupan, manakala keSejahteraan menekankan keharmonian sosial dan keseimbangan hidup. Daya Cipta berkait rapat dengan pemeliharaan akal melalui inovasi dan pemikiran kreatif, sementara hormAt dan keyakiNan mencerminkan maruah insan serta amanah dalam hubungan sosial. Nilai Ihsan pula menjadi puncak dimensi spiritual yang menghubungkan hubungan manusia dengan Allah SWT dan sesama manusia.

Sarjana kontemporari seperti Syed Muhammad Naquib al-Attas menegaskan bahawa inti kepada pembinaan masyarakat beradab ialah ta'dīb, iaitu proses pendidikan yang meletakkan sesuatu pada tempatnya yang betul dalam susunan moral dan sosial.¹⁴ Dari sudut ini, Malaysia MADANI dapat difahami sebagai usaha menghidupkan semula nilai adab dalam masyarakat moden yang berhadapan dengan cabaran sekularisasi, individualisme dan krisis kepercayaan sosial.

¹¹ al-Qur'an, Surah al-Ra'd 13:11.

¹² Jabatan Perdana Menteri Malaysia, *Malaysia MADANI: Memperkasa Rakyat* (Putrajaya: JPM, 2023).

¹³ Ibrāhīm al-Shātibī, *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah* (Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997), 2:8–15.

¹⁴ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 127–130.

Walau bagaimanapun, beberapa kajian menunjukkan bahawa kerangka nilai nasional sering berhadapan dengan cabaran kefahaman dan penghayatan di peringkat akar umbi. Nilai yang dirumuskan dalam dokumen dasar tidak semestinya difahami secara mendalam oleh masyarakat, terutamanya apabila ia disampaikan dalam bentuk retorik atau slogan tanpa penghubung yang jelas dengan pengalaman hidup seharian.¹⁵ Keadaan ini menuntut pendekatan pendidikan nilai yang lebih kontekstual dan berteraskan budaya serta agama setempat agar nilai MADANI dapat berfungsi secara bermakna dalam kehidupan masyarakat.

2.3 Kefahaman Nilai dan Penghayatan dalam Konteks Masyarakat

Kefahaman nilai merujuk kepada tahap pengetahuan dan kesedaran individu terhadap makna serta kepentingan sesuatu nilai. Dalam konteks kajian ini, fokus diberikan kepada tahap kefahaman terhadap nilai, manakala penghayatan merujuk kepada proses penerjemahan nilai tersebut dalam bentuk sikap, tingkah laku dan amalan sosial dalam kehidupan seharian. Literatur dalam bidang sosiologi dan pendidikan nilai menunjukkan bahawa jurang antara kefahaman kognitif dan penghayatan praktikal merupakan cabaran utama dalam pembinaan masyarakat beretika.¹⁶

Dalam tradisi Islam, hubungan antara kefahaman nilai dan penghayatan akhlak ditegaskan melalui konsep ihsan yang menjadi teras pembentukan keperibadian. Hal ini dijelaskan dalam hadis Jibril apabila Rasulullah SAW bersabda bahawa ihsan ialah “*engkau beribadah kepada Allah seolah-olah engkau melihat-Nya, dan jika engkau tidak melihat-Nya, sesungguhnya Dia melihat engkau.*”¹⁷ Hadis ini menunjukkan bahawa penghayatan nilai tidak terhenti pada tahap pengetahuan kognitif, tetapi menuntut kesedaran moral dan spiritual yang membentuk sikap serta tingkah laku individu dalam kehidupan bermasyarakat.

Dalam konteks masyarakat Melayu-Islam, nilai seperti hormat, adab dan kesantunan telah lama menjadi sebahagian daripada budaya sosial. Namun nilai moden seperti keMampanan dan Daya Cipta sering dilihat sebagai wacana elit atau agenda luaran yang kurang berkait dengan realiti kehidupan harian masyarakat luar bandar.¹⁸ Oleh itu, tahap kefahaman terhadap nilai Malaysia MADANI sangat bergantung kepada cara nilai

¹⁵ Bridget Welsh, “Year Two of Anwar Ibrahim’s Madani,” 2024.

¹⁶ H.-F. Hsieh dan S. E. Shannon, “Three Approaches to Qualitative Content Analysis,” *Qualitative Health Research* 15, no. 9 (2005): 1277–1288.

¹⁷ Muslim ibn al-Hajjāj, *Ṣaḥīḥ Muslim*, Kitāb al-Īmān, no. hadis 8.

¹⁸ Junaidi Awang Besar, *Cultural Continuity and Malay Rural Values* (Kuala Lumpur: UM Press, 2023), 45–48.

tersebut dikomunikasikan dan dikaitkan dengan ajaran agama serta tradisi tempatan.

Kajian Norani Othman menunjukkan bahawa masyarakat cenderung memahami agama dalam bentuk ritual, manakala dimensi etika sosial dan falsafah nilai kurang diberi penekanan.¹⁹ Hal ini mengukuhkan keperluan untuk menilai tahap kefahaman nilai secara empirikal agar jurang antara wacana dasar dan realiti sosial dapat dikenal pasti, khususnya dalam usaha membina masyarakat madani yang beradab dan bertanggungjawab.

2.4 Madaniyyah, Adab dan Cabaran Kefahaman Nilai dalam Masyarakat Kontemporari

Pembinaan masyarakat madani dalam tradisi Islam tidak dapat dipisahkan daripada konsep adab sebagai asas kepada pembentukan insan dan hubungan sosial. Adab bukan sekadar merujuk kepada kesantunan luaran, tetapi melibatkan pengenalan dan pengiktirafan terhadap susunan nilai, peranan dan tanggungjawab dalam kehidupan bermasyarakat. Dalam konteks ini, adab berfungsi sebagai prinsip pengikat yang menyelaraskan hubungan antara individu, masyarakat dan autoriti, sekali gus memastikan keteraturan moral dalam kehidupan sosial.

Syed Muhammad Naquib al-Attas menegaskan bahawa keruntuhan masyarakat moden berpunca daripada kehilangan adab (*loss of adab*), yang mengakibatkan kekeliruan nilai, krisis autoriti dan ketidakseimbangan dalam struktur sosial.²⁰ Menurut beliau, insan yang beradab ialah insan yang mengetahui tempat dan peranannya dalam susunan moral serta sosial yang betul. Oleh itu, pembinaan masyarakat madani menuntut proses *ta'dīb* yang berterusan, bukan sekadar pelaksanaan peraturan atau dasar awam.

Dalam tradisi Islam, konsep adab ini berkait rapat dengan pembinaan akhlak dan amanah sosial. Ibn Miskawayh menjelaskan bahawa akhlak terbentuk melalui pembiasaan nilai dan latihan jiwa, yang akhirnya membentuk kecenderungan tetap dalam diri individu.²¹ Dalam konteks masyarakat, pembiasaan nilai adab akan melahirkan norma sosial yang berfungsi sebagai mekanisme kawalan dalaman, sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada penguatkuasaan luaran. Hal ini menunjukkan

¹⁹ Norani Othman, *Sharing the Nation: Faith, Difference, Power and the State 50 Years after Merdeka* (Petaling Jaya: SIRD, 2008), 108–115.

²⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 127–135.

²¹ Ibn Miskawayh, *Tahdhīb al-Akhlāq* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003), 28–35.

bahawa masyarakat madani yang stabil terbina atas kesedaran moral kolektif, bukan semata-mata kekuatan undang-undang.

Peranan adab dalam pembinaan masyarakat madani turut ditekankan oleh al-Ghazālī, yang melihat akhlak sebagai asas kepada kesejahteraan sosial. Menurut beliau, keadilan sosial tidak dapat direalisasikan tanpa pembinaan hati dan jiwa individu, kerana struktur sosial yang adil memerlukan pelaku yang berakhlak.²² Oleh itu, madaniyyah Islam menuntut kesatuan antara pembinaan individu dan pembinaan institusi sosial, di mana kedua-duanya saling bergantung dan memperkukuh antara satu sama lain.

Dalam konteks masyarakat kontemporari, cabaran utama pembinaan adab ialah dominasi nilai utilitarian dan individualistik yang mengutamakan kepentingan peribadi berbanding tanggungjawab kolektif. Fenomena ini menyebabkan nilai seperti hormat, amanah dan ihsan semakin terpinggir, walaupun masih diakui secara normatif. Justeru, usaha menghidupkan semula adab sebagai teras madaniyyah Islam menjadi relevan dalam menanggapi cabaran masyarakat moden yang berhadapan dengan krisis kepercayaan dan perpecahan sosial.

Penekanan terhadap adab sebagai asas pembinaan masyarakat madani juga mempunyai implikasi langsung terhadap kajian ini. Nilai hormat dan ihsan dalam kerangka Malaysia MADANI boleh difahami sebagai manifestasi kontemporari kepada konsep adab dan ihsan dalam Islam. Oleh itu, tahap kefahaman masyarakat terhadap nilai-nilai tersebut memberikan gambaran awal tentang kekuatan asas adab dalam komuniti setempat. Kefahaman yang tinggi terhadap nilai adab dijangka memudahkan proses penghayatan nilai madaniyyah dalam kehidupan seharian, sekali gus menyumbang kepada pembinaan masyarakat beretika dan sejahtera.

Walaupun konsep madaniyyah Islam mempunyai asas teoritikal yang kukuh, cabaran utama dalam konteks kontemporari ialah memastikan kefahaman nilai tersebut dapat diterjemahkan secara bermakna dalam realiti sosial masyarakat. Globalisasi, perubahan struktur keluarga dan perkembangan teknologi maklumat telah mengubah cara nilai ditransmisikan dan difahami, khususnya dalam kalangan masyarakat luar bandar yang kini tidak lagi terasing daripada arus budaya global.

Beberapa kajian sosiologi menunjukkan bahawa perubahan sosial yang pesat sering menghasilkan ketegangan antara nilai tradisional dan nilai moden.²³ Dalam konteks ini, nilai seperti keMampanan dan Daya Cipta sering

²² Abū Hāmid al-Ghazālī, *Mīzān al-‘Amal* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1997), 88–92.

²³ Anthony Giddens, *The Consequences of Modernity* (Cambridge: Polity Press, 1990), 64–70.

difahami sebagai agenda teknikal atau ekonomi, manakala dimensi etika dan spiritualnya kurang ditekankan. Keadaan ini boleh menyebabkan nilai madaniyyah difahami secara terpisah dan terfragmentasi, tanpa kerangka moral yang menyatukan keseluruhan nilai tersebut.

Dalam masyarakat Islam, cabaran kefahaman nilai turut berkait dengan pendekatan pendidikan agama yang lebih menumpukan aspek ritual berbanding etika sosial. Norani Othman berhujah bahawa pemisahan antara agama sebagai amalan ritual dan agama sebagai panduan etika sosial menyumbang kepada kelemahan penghayatan nilai dalam kehidupan bermasyarakat.²⁴ Oleh itu, pengukuhan nilai madaniyyah memerlukan pendekatan pendidikan agama yang menekankan hubungan antara ibadah, akhlak dan tanggungjawab sosial.

Kefahaman nilai juga dipengaruhi oleh peranan institusi sosial seperti keluarga, masjid dan kepimpinan komuniti. Dalam konteks luar bandar, institusi ini berfungsi sebagai medium utama sosialisasi nilai, menggantikan peranan institusi formal yang lebih dominan di kawasan bandar. Oleh itu, tahap kefahaman masyarakat terhadap nilai Negara Madani tidak boleh dipisahkan daripada keberkesanan institusi sosial ini dalam menyampaikan nilai secara kontekstual dan berterusan.

Dalam kerangka kajian ini, penilaian tahap kefahaman nilai Negara Madani dalam kalangan masyarakat Islam Kuala Kangsar dapat memberikan gambaran empirikal tentang sejauh mana nilai madaniyyah Islam difahami dalam konteks sosial sebenar. Dapatan kajian ini bukan sahaja membantu mengenal pasti kekuatan dan kelemahan kefahaman nilai dalam komuniti setempat, tetapi juga menyediakan asas untuk merangka strategi pendidikan nilai yang lebih berkesan dan berteraskan realiti sosial masyarakat.

2.5 Kerangka Konseptual Kajian

Berdasarkan sorotan literatur, kajian ini dibina atas kerangka konseptual yang menggabungkan tradisi madaniyyah Islam, prinsip maqāṣid al-sharī'ah dan kerangka nilai Malaysia MADANI. Kerangka ini mengandaikan bahawa tahap kefahaman masyarakat terhadap enam nilai Malaysia MADANI dipengaruhi oleh latar agama, budaya dan pengalaman sosial setempat. Kefahaman yang tinggi dijangka menyumbang kepada penghayatan nilai yang lebih baik, seterusnya membentuk akhlak dan tanggungjawab sosial masyarakat.

²⁴ Norani Othman, *Sharing the Nation* (Petaling Jaya: SIRD, 2008), 108–115.

Dalam konteks kajian ini, enam nilai Malaysia MADANI berfungsi sebagai konstruk utama untuk menilai tahap kefahaman masyarakat Islam Kuala Kangsar terhadap konsep Negara Madani. Analisis ini diharapkan dapat memberikan gambaran awal tentang sejauh mana nilai madaniyyah Islam dapat diterjemahkan dalam realiti sosial masyarakat luar bandar, serta mengenal pasti ruang penambahbaikan dalam pendidikan nilai dan pembinaan masyarakat beradab. Berdasarkan kerangka konseptual ini, kajian lapangan dilaksanakan bagi menilai secara empirikal tahap kefahaman masyarakat Islam Kuala Kangsar terhadap nilai Negara Madani, sekali gus menghubungkan wacana normatif Islam dengan realiti sosial setempat.

3.0 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif berbentuk tinjauan bagi menilai tahap kefahaman masyarakat Islam di Kuala Kangsar terhadap konsep Negara Madani sebagaimana digariskan dalam kerangka Malaysia MADANI. Reka bentuk tinjauan dipilih kerana ia sesuai untuk memperoleh gambaran menyeluruh tentang pola kefahaman nilai dalam kalangan masyarakat serta membolehkan data dianalisis secara sistematik dan objektif. Pendekatan ini juga lazim digunakan dalam kajian sosial dan pendidikan nilai yang bertujuan menilai tahap kesedaran, kefahaman dan kecenderungan sikap dalam sesuatu komuniti.²⁵

Kajian ini bersifat deskriptif, iaitu memberi tumpuan kepada pengukuran tahap kefahaman tanpa menguji hubungan kausal atau hipotesis inferensi. Pendekatan deskriptif dipilih selaras dengan objektif kajian yang bertujuan memberikan gambaran empirikal awal tentang kefahaman masyarakat terhadap nilai Negara Madani, khususnya dalam konteks luar bandar yang masih kurang diterokai dalam literatur semasa.

3.2 Lokasi Kajian

Kuala Kangsar dipilih sebagai lokasi kajian kerana daerah ini mempunyai komposisi masyarakat Melayu-Islam yang dominan serta struktur sosial yang kuat berasaskan institusi agama, adat dan kekeluargaan. Keunikan Kuala Kangsar sebagai Bandar Diraja Perak turut membentuk budaya hormat, adab dan kesantunan dalam kehidupan masyarakat setempat. Faktor-faktor ini menjadikan Kuala Kangsar sebagai konteks yang signifikan untuk menilai

²⁵ John W. Creswell, *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches* (Thousand Oaks: Sage, 2014), 155–158.

bagaimana nilai Negara Madani difahami dan ditafsir dalam kerangka budaya serta agama tempatan.

Selain itu, Kuala Kangsar mewakili ciri masyarakat luar bandar yang tidak terasing daripada arus dasar nasional, namun masih mengekalkan tradisi sosial dan keagamaan yang kukuh. Pemilihan lokasi ini membolehkan kajian menilai penerimaan nilai Malaysia MADANI di peringkat akar umbi serta mengenal pasti potensi dan cabaran dalam usaha menginstitusikan nilai madaniyyah dalam komuniti luar bandar.

3.3 Sampel dan Prosedur Persampelan

Kajian ini melibatkan seramai 60 orang responden yang dipilih menggunakan kaedah persampelan rawak mudah. Kaedah ini memberikan peluang yang sama kepada setiap individu dalam populasi sasaran untuk dipilih sebagai responden, sekali gus membantu mengurangkan bias pemilihan. Walaupun saiz sampel berskala sederhana, jumlah ini dianggap mencukupi bagi kajian deskriptif yang bertujuan mengenal pasti pola kefahaman secara umum dalam komuniti setempat.²⁶

Responden terdiri daripada pelbagai latar belakang umur, tahap pendidikan dan pekerjaan bagi mencerminkan kepelbagaian struktur sosial masyarakat Islam di Kuala Kangsar. Kepelbagaian ini penting untuk memastikan dapatan kajian tidak terhad kepada satu kelompok sosial tertentu, sebaliknya menggambarkan realiti kefahaman nilai dalam masyarakat secara lebih menyeluruh.

3.4 Instrumen Kajian

Instrumen kajian berbentuk soal selidik yang dibina berdasarkan kerangka Malaysia MADANI dan enam nilai teras yang digariskan dalam dokumen rasmi kerajaan. Soal selidik ini mengandungi tiga bahagian utama. Bahagian pertama mengumpul maklumat demografi responden seperti umur, jantina, tahap pendidikan dan pekerjaan. Bahagian kedua menilai kefahaman umum responden terhadap konsep Negara Madani. Bahagian ketiga mengukur tahap

²⁶ Louis Cohen, Lawrence Manion, and Keith Morrison, *Research Methods in Education* (London: Routledge, 2018), 218–220.

kefahaman terhadap enam nilai Malaysia MADANI menggunakan skala Likert lima mata, daripada “sangat tidak setuju” hingga “sangat setuju”.

Item soal selidik dibina berdasarkan definisi operasional setiap nilai serta disesuaikan dengan konteks masyarakat setempat. Sebagai contoh, item bagi nilai hormat menekankan aspek adab sosial dan hubungan antara generasi, manakala item bagi nilai kemampanan menumpukan kesedaran terhadap penjagaan alam sekitar dan gaya hidup lestari. Pendekatan ini bertujuan memastikan item soal selidik mudah difahami dan relevan dengan pengalaman hidup responden.

3.5 Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen

Bagi memastikan instrumen kajian sah dan boleh dipercayai, semakan muka (*face validity*) dan semakan kandungan (*content validity*) telah dilaksanakan melalui perbincangan dengan pakar dalam bidang pengajian Islam dan sains sosial. Semakan ini bertujuan memastikan item soal selidik benar-benar mengukur konstruk kefahaman nilai Negara Madani sebagaimana yang dimaksudkan dalam kerangka kajian.

Selain itu, kajian rintis telah dijalankan bagi menilai kejelasan item dan ketekalan respon. Analisis kebolehpercayaan menggunakan pekali Cronbach Alpha menunjukkan nilai melebihi 0.80, yang menandakan tahap kebolehpercayaan dalaman yang tinggi dan berada dalam julat penerimaan kajian sosial.²⁷ Dengan itu, instrumen kajian ini dianggap sesuai digunakan bagi pengumpulan data kajian sebenar.

3.6 Prosedur Pengumpulan Data

Pengumpulan data dijalankan secara bersemuka dan melalui edaran borang soal selidik dalam talian bergantung kepada kesesuaian responden. Kaedah bersemuka digunakan terutamanya bagi responden berusia atau kurang terdedah kepada platform digital, manakala kaedah dalam talian digunakan untuk memudahkan pengumpulan data dalam kalangan responden yang lebih muda. Pendekatan hibrid ini membantu meningkatkan kadar respons serta memastikan keterangkuman responden daripada pelbagai latar belakang.

²⁷ Joseph F. Hair et al., *Multivariate Data Analysis* (Harlow: Pearson, 2014), 123–125.

Responden dimaklumkan bahawa penyertaan dalam kajian ini adalah secara sukarela dan segala maklumat yang diberikan adalah dirahsiakan. Mereka juga diberi penjelasan ringkas mengenai tujuan kajian dan hak untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Langkah ini diambil bagi memastikan pematuhan terhadap etika penyelidikan sosial.

3.7 Kaedah Analisis Data

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan statistik deskriptif seperti min, sisihan piawai dan peratusan dengan bantuan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS). Analisis ini bertujuan mengenal pasti tahap kefahaman responden terhadap setiap nilai Malaysia MADANI serta pola kefahaman keseluruhan dalam kalangan responden kajian ini. Statistik deskriptif dipilih kerana kajian ini tidak bertujuan menguji hubungan antara pemboleh ubah, sebaliknya memberikan gambaran empirikal awal tentang tahap kefahaman nilai dalam kalangan komuniti kajian.

Pentafsiran dapatan dibuat berdasarkan kategori tahap kefahaman rendah, sederhana dan tinggi yang lazim digunakan dalam kajian sosial. Dalam kajian ini, skor min 1.00 hingga 2.33 ditafsirkan sebagai tahap rendah, skor min 2.34 hingga 3.66 sebagai tahap sederhana, manakala skor min 3.67 hingga 5.00 sebagai tahap tinggi. Interpretasi ini digunakan bagi menentukan tahap kefahaman responden terhadap setiap nilai Malaysia MADANI berdasarkan skor min yang diperolehi.

Selain analisis numerik, dapatan juga ditafsirkan secara naratif dengan mengambil kira konteks sosial dan budaya masyarakat Kuala Kangsar bagi memastikan dapatan kajian lebih bermakna dan tidak terpisah daripada realiti setempat.

3.8 Justifikasi Saiz Sampel dan Skop Kajian

Saiz sampel seramai 60 orang responden dalam kajian ini ditentukan berdasarkan pertimbangan objektif kajian yang bersifat deskriptif serta konteks komuniti kajian yang berskala sederhana. Dalam kajian tinjauan deskriptif, saiz sampel tidak semestinya besar untuk menghasilkan dapatan yang bermakna, khususnya apabila tujuan kajian adalah untuk mengenal pasti pola umum kefahaman dan kecenderungan responden terhadap sesuatu konstruk nilai.²⁸ Oleh itu, pemilihan 60 orang responden dianggap memadai untuk memberikan gambaran awal tentang tahap kefahaman masyarakat Islam Kuala Kangsar terhadap konsep Negara Madani.

²⁸ Earl Babbie, *The Practice of Social Research* (Boston: Cengage Learning, 2016), 193–196.

Selain itu, fokus kajian ini adalah pada komuniti luar bandar yang mempunyai struktur sosial yang relatif homogen dari sudut agama dan budaya. Dalam konteks sedemikian, sampel bersaiz sederhana dapat memberikan data yang konsisten dan relevan, terutamanya apabila instrumen kajian dibina secara kontekstual dan disesuaikan dengan latar belakang responden. Walaupun kajian ini tidak bertujuan membuat generalisasi berskala nasional, dapatan yang diperolehi masih mempunyai nilai analitikal untuk memahami realiti kefahaman nilai di peringkat komuniti setempat.

Skop kajian ini juga dihadkan kepada penilaian tahap kefahaman nilai, bukan penghayatan nilai secara mendalam atau analisis hubungan kausal antara pemboleh ubah. Oleh itu, penggunaan sampel bersaiz sederhana adalah selari dengan skop dan batasan kajian. Had skop ini membolehkan penyelidik menumpukan perhatian kepada kualiti pengukuran kefahaman nilai serta ketepatan analisis deskriptif tanpa terbeban oleh tuntutan analisis inferensi yang memerlukan sampel lebih besar.

3.9 Limitasi Kajian

Seperti kajian sosial lain, kajian ini mempunyai beberapa limitasi yang perlu diakui bagi memastikan pentafsiran dapatan dibuat secara berhemah. Pertama, kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif deskriptif yang bergantung sepenuhnya kepada data soal selidik sendiri. Oleh itu, dapatan kajian mencerminkan tahap kefahaman yang dilaporkan oleh responden, yang mungkin dipengaruhi oleh kecenderungan sosial untuk memberikan jawapan yang dianggap positif atau selari dengan norma masyarakat.

Kedua, saiz sampel yang terhad kepada 60 orang responden serta pemfokusan kepada satu daerah sahaja menghadkan kebolehan dapatan kajian untuk digeneralisasikan ke konteks masyarakat Islam di kawasan lain. Walau bagaimanapun, keterbatasan ini tidak menjejaskan tujuan utama kajian yang bersifat penerokaan awal terhadap kefahaman nilai Negara Madani dalam konteks luar bandar tertentu.

Ketiga, kajian ini menilai kefahaman nilai berdasarkan instrumen berstruktur, yang mungkin tidak dapat menangkap nuansa pengalaman dan tafsiran mendalam responden terhadap nilai madaniyyah. Oleh itu, dapatan kajian ini lebih sesuai difahami sebagai gambaran kuantitatif awal yang boleh dilengkapi dengan kajian kualitatif pada masa hadapan.

Pengiktirafan terhadap limitasi ini penting bagi meletakkan dapatan kajian dalam konteks yang sesuai serta mengelakkan tafsiran berlebihan terhadap hasil kajian. Pada masa yang sama, limitasi ini membuka ruang

kepada penyelidikan lanjutan yang boleh memperkukuh dan memperluas dapatan kajian ini.

3.10 Pertimbangan Etika Penyelidikan

Kajian ini dijalankan dengan mengambil kira prinsip etika penyelidikan sosial yang menekankan kerelaan, kerahsiaan dan kesejahteraan responden. Sebelum pengumpulan data, responden dimaklumkan secara jelas tentang tujuan kajian, kaedah pengumpulan data serta hak mereka untuk menarik diri pada bila-bila masa tanpa sebarang implikasi. Persetujuan responden diperoleh secara sukarela sebelum mereka mengisi soal selidik.

Bagi memastikan kerahsiaan, identiti responden tidak direkodkan dan semua data dianalisis dalam bentuk agregat. Langkah ini bertujuan melindungi privasi responden serta mengelakkan sebarang risiko sosial atau psikologi akibat penyertaan dalam kajian. Data kajian disimpan dengan selamat dan hanya digunakan untuk tujuan akademik.

Pertimbangan etika ini penting khususnya dalam kajian yang melibatkan komuniti setempat dan isu nilai, kerana sensitiviti budaya dan agama perlu dihormati. Dengan mematuhi prinsip etika penyelidikan, kajian ini bukan sahaja memenuhi piawaian akademik, tetapi juga mengekalkan integriti penyelidik serta kepercayaan masyarakat terhadap penyelidikan ilmiah.

4.0 DAPATAN KAJIAN

4.1 Profil Responden

Kajian ini melibatkan seramai 60 orang responden yang terdiri daripada masyarakat Islam di beberapa mukim utama di Kuala Kangsar, Perak. Responden mewakili pelbagai latar belakang umur, tahap pendidikan dan pekerjaan, sekali gus mencerminkan kepelbagaian struktur sosial masyarakat setempat. Kepelbagaian ini penting bagi memastikan dapatan kajian memberikan gambaran umum yang realistik tentang tahap kefahaman nilai Negara Madani dalam kalangan masyarakat Islam luar bandar.

Secara umum, responden terdiri daripada golongan dewasa dan warga pertengahan usia yang aktif dalam kehidupan sosial dan keagamaan komuniti. Kebanyakan responden mempunyai latar pendidikan menengah dan ke atas, serta terlibat dalam sektor pekerjaan yang pelbagai termasuk perkhidmatan awam, swasta, bekerja sendiri dan suri rumah. Profil ini menunjukkan bahawa responden mempunyai pendedahan yang munasabah terhadap wacana sosial, keagamaan dan dasar semasa.

4.2 Tahap Kefahaman Keseluruhan terhadap Konsep Negara Madani

Analisis statistik deskriptif menunjukkan bahawa dalam kalangan responden kajian ini, tahap kefahaman terhadap konsep Negara Madani adalah tinggi. Berdasarkan skor min keseluruhan, majoriti responden menunjukkan kefahaman yang baik terhadap idea asas Negara Madani serta nilai-nilai yang terkandung dalam kerangka Malaysia MADANI.

Tiada responden mencatatkan tahap kefahaman rendah, manakala sebahagian kecil berada pada tahap sederhana. Pola ini menunjukkan bahawa konsep Negara Madani bukanlah suatu gagasan yang asing dalam kalangan responden kajian ini, sebaliknya telah difahami secara umum melalui pendidikan agama, interaksi sosial dan pendedahan kepada wacana semasa di peringkat komuniti.

4.3 Min Kefahaman Mengikut Nilai Malaysia MADANI

Bagi menilai kefahaman secara lebih terperinci, analisis min dilakukan terhadap enam nilai utama Malaysia MADANI, iaitu keMampanan, keSejahteraan, Daya Cipta, hormAt, keyakiNan dan Ihsan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kesemua nilai mencatatkan skor min melebihi paras 4.00, yang dikategorikan sebagai tahap kefahaman tinggi.

Nilai **hormAt** mencatatkan skor min tertinggi, menunjukkan bahawa aspek adab, kesantunan dan penghormatan dalam hubungan sosial sangat difahami dalam kalangan responden kajian ini. Nilai ini diikuti oleh **Daya Cipta**, yang memperlihatkan kesedaran responden terhadap kepentingan kreativiti dan keupayaan menyesuaikan diri dengan perubahan sosial.

Seterusnya, nilai **keyakiNan** turut mencatatkan skor min yang tinggi, mencerminkan kefahaman terhadap integriti, amanah dan pegangan moral dalam kehidupan seharian. Nilai **Ihsan** juga berada dalam kategori tinggi, menunjukkan bahawa masyarakat memahami kepentingan belas ihsan, empati dan kesedaran spiritual dalam hubungan sosial.

Walaupun nilai **keMampanan** dan **keSejahteraan** mencatatkan skor min yang sedikit lebih rendah berbanding nilai lain, kedua-duanya masih berada dalam kategori tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa masyarakat mempunyai kefahaman yang baik terhadap konsep kesejahteraan hidup dan kelestarian, namun nilai-nilai ini berpotensi diperkukuh melalui pendekatan pendidikan nilai yang lebih sistematik dan kontekstual.

4.4 Rumusan Dapatan

Secara keseluruhan, dapatan ini menunjukkan bahawa dalam kalangan responden kajian ini terdapat tahap kefahaman yang baik terhadap nilai-nilai konsep Negara Madani, yang berpotensi menyokong penghayatan nilai tersebut dalam kehidupan masyarakat. Nilai yang bersifat interpersonal dan akhlak seperti hormAt, Ihsan dan keyakiNan lebih dominan dalam kefahaman masyarakat, manakala nilai yang bersifat sistemik seperti keMampanan dan keSejahteraan menunjukkan ruang untuk pengukuhan selanjutnya.

Dapatan ini menyediakan asas empirikal yang kukuh untuk perbincangan seterusnya mengenai hubungan antara kefahaman nilai Madani dan realiti sosial masyarakat. Analisis lanjut dalam bahagian perbincangan akan meneliti bagaimana dapatan ini dapat difahami dalam kerangka madaniyyah Islam serta implikasinya terhadap pembinaan masyarakat beradab dan sejahtera.

5.0 PERBINCANGAN

Perbincangan ini menafsir dapatan kajian dalam kerangka madaniyyah Islam dan nilai Malaysia MADANI dengan meneliti hubungan antara **kefahaman nilai, pembentukan akhlak, dan tanggungjawab sosial** dalam konteks pembinaan masyarakat beradab dan sejahtera. Dapatan yang menunjukkan tahap kefahaman keseluruhan yang tinggi memberi isyarat bahawa nilai MADANI bukan gagasan yang asing, sebaliknya berinteraksi secara signifikan dengan budaya, agama dan pengalaman hidup masyarakat Islam Kuala Kangsar. Perbincangan ini dihipunkan kepada tiga tema utama, iaitu:

- i) nilai interpersonal dan adab,
- ii) integriti, kesejahteraan dan keseimbangan sosial, serta
- iii) kreativiti dan kelestarian dalam komuniti luar bandar.

5.1 Nilai Interpersonal dan Adab: hormAt dan Ihsan sebagai Teras Madaniyyah

Nilai **hormAt** yang mencatatkan skor kefahaman tertinggi menunjukkan bahawa adab, kesantunan dan penghormatan dalam hubungan sosial merupakan nilai yang paling dekat dengan pengalaman hidup masyarakat Islam Kuala Kangsar. Dapatan ini selari dengan tradisi Melayu-Islam yang menekankan adab terhadap ibu bapa, guru, pemimpin agama dan institusi sosial.

Dalam kerangka madaniyyah Islam, adab bukan sekadar norma budaya, tetapi asas kepada keteraturan moral yang memastikan keharmonian

hidup bermasyarakat. Ibn Khaldūn menegaskan bahawa kelangsungan tamadun bergantung kepada keterikatan masyarakat dengan nilai bersama yang membentuk solidariti sosial dan disiplin moral.²⁹

Walaupun nilai hormat sering diterjemahkan melalui amalan adat dan budaya setempat, dalam konteks masyarakat Islam, nilai ini tidak boleh dipisahkan daripada prinsip Islam yang menekankan adab sebagai manifestasi keimanan dan akhlak. Oleh itu, kefahaman masyarakat terhadap hormat mencerminkan penyepaduan antara adat tempatan dan prinsip Islam, bukan semata-mata kelangsungan budaya warisan. Penyepaduan ini mengukuhkan peranan adab sebagai teras pembinaan masyarakat madani yang stabil dan berakhlak.

Kedudukan nilai **Ihsan** yang turut berada pada tahap kefahaman tinggi mengukuhkan lagi dapatan ini. Ihsan merujuk kepada kesedaran moral dan spiritual yang membentuk perilaku manusia walaupun tanpa pengawasan luaran. Kefahaman terhadap Ihsan menunjukkan bahawa masyarakat tidak hanya menilai hubungan sosial berdasarkan peraturan dan norma luaran, tetapi juga melalui kesedaran batin dan empati. Hubungan antara hormat dan Ihsan ini menggambarkan bahawa nilai interpersonal yang berakar pada adab dan kesedaran spiritual merupakan asas penting kepada pembinaan masyarakat madani yang berteraskan akhlak.

Dari perspektif *ta'dīb*, Syed Muhammad Naquib al-Attas menegaskan bahawa insan beradab ialah insan yang mengenali tempat dan peranannya dalam susunan moral serta sosial yang betul.³⁰ Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden kajian memiliki kefahaman yang kukuh terhadap nilai adab, sekali gus menyediakan tapak yang subur bagi pengukuhan kefahaman dan potensi penghayatan nilai MADANI. Namun demikian, kefahaman nilai ini perlu diperkukuh dan diterjemahkan kepada penghayatan melalui pendidikan nilai yang berterusan agar adab dan Ihsan tidak kekal sebagai norma kebiasaan semata-mata, tetapi menjadi prinsip sedar dalam kehidupan bermasyarakat.

5.2 Integriti, Kesejahteraan dan Keseimbangan Sosial: keyakiNan dan keSejahteraan

²⁹ Ibn Khaldūn, *al-Muqaddimah* (Beirut: Dār al-Fikr, 2004), 98–102.

³⁰ Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam and Secularism* (Kuala Lumpur: ISTAC, 1993), 133–135.

Nilai **keyakiNan** yang mencatatkan tahap kefahaman tinggi mencerminkan kesedaran masyarakat terhadap integriti, amanah dan kejujuran dalam kehidupan seharian. Dalam kerangka Islam, amanah merupakan asas kepada hubungan sosial dan tadbir urus yang adil. Al-Māwardī menegaskan bahawa pengkhianatan amanah akan melemahkan kepercayaan sosial dan seterusnya membawa kepada keruntuhan struktur masyarakat.³¹ Oleh itu, kefahaman tinggi terhadap nilai keyakiNan menunjukkan potensi yang besar untuk membina budaya integriti dalam komuniti.

Namun demikian, kefahaman nilai yang tinggi tidak semestinya mencerminkan tahap amalan sebenar secara konsisten. Sebaliknya, dapatan ini lebih tepat difahami sebagai gambaran kesedaran normatif masyarakat terhadap kepentingan integriti dan amanah. Jurang antara kefahaman dan penghayatan nilai integriti sering dipengaruhi oleh tekanan material, kepentingan peribadi dan struktur sosial yang mencabar. Justeru, pengukuhan nilai keyakiNan memerlukan sokongan institusi sosial seperti keluarga, masjid dan kepimpinan komuniti yang berfungsi sebagai model teladan (*qudwah*).

Nilai kesejahteraan pula mencerminkan kefahaman masyarakat terhadap keseimbangan hidup yang merangkumi dimensi emosi, sosial dan kekeluargaan. Walaupun mencatatkan skor yang sedikit lebih rendah berbanding nilai interpersonal, tahap kefahaman keSejahteraan masih berada dalam kategori tinggi. Ini menunjukkan bahawa masyarakat Kuala Kangsar menilai kesejahteraan bukan semata-mata melalui indikator ekonomi, tetapi melalui keharmonian hubungan sosial dan kestabilan institusi keluarga. Tafsiran ini selari dengan pendekatan Islam yang menekankan kesejahteraan menyeluruh (*falāḥ*) sebagai tujuan kehidupan bermasyarakat.

Dalam kerangka *maqāṣid al-sharīah*, kesejahteraan sosial berkait rapat dengan pemeliharaan nyawa dan keturunan. Kefahaman yang baik terhadap nilai keSejahteraan membuka ruang kepada pengukuhan program komuniti yang menekankan sokongan keluarga, kesihatan mental dan jaringan sosial, agar nilai ini dapat diterjemahkan secara lebih praktikal dan berkesan dalam kehidupan seharian masyarakat.

5.3 Kreativiti dan Kelestarian: Daya Cipta dan keMampanan dalam Komuniti Luar Bandar

³¹ Abū al-Ḥasan al-Māwardī, *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah* (Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 1989), 20–22.

Tahap kefahaman tinggi terhadap nilai **Daya Cipta** merupakan dapatan yang signifikan, khususnya dalam konteks komuniti luar bandar. Dapatan ini menunjukkan bahawa masyarakat Islam Kuala Kangsar tidak menolak nilai kreativiti dan inovasi, sebaliknya memahami kepentingannya dalam menyesuaikan diri dengan perubahan sosial dan ekonomi. Dalam perspektif Islam, pemeliharaan akal dan galakan terhadap pemikiran kreatif merupakan sebahagian daripada *maqāṣid al-sharīah*, yang membuka ruang kepada inovasi selagi tidak bercanggah dengan prinsip moral dan agama.

Nilai kemampanan, walaupun berada pada tahap kefahaman tinggi, mencatatkan skor yang relatif lebih rendah berbanding nilai lain. Dapatan ini selari dengan kajian yang menunjukkan bahawa isu kelestarian sering dilihat sebagai agenda global atau wacana elit yang kurang berkait secara langsung dengan kehidupan harian masyarakat luar bandar. Walau bagaimanapun, dalam kerangka Islam, pemeliharaan alam dan tanggungjawab terhadap generasi akan datang merupakan amanah yang tidak boleh diabaikan. Oleh itu, kefahaman terhadap kemampanan perlu diperkukuh melalui pendekatan pendidikan nilai yang mengaitkan kelestarian dengan ibadah, amanah dan tanggungjawab sosial.

Dalam konteks Kuala Kangsar, penghayatan nilai kemampanan berpotensi diperkukuh melalui aktiviti komuniti seperti gotong-royong, pengurusan sumber alam secara lestari dan inisiatif hijau berasaskan masjid. Pendekatan ini membantu menterjemahkan konsep kelestarian yang abstrak kepada amalan konkrit dan bermakna dalam kehidupan seharian masyarakat.

5.4 Sintesis Perbincangan: Dari Kefahaman kepada Penghayatan Nilai Madani

Secara keseluruhan, perbincangan dapatan menunjukkan bahawa dalam kalangan responden kajian, tahap kefahaman terhadap nilai Negara Madani adalah tinggi, khususnya terhadap nilai yang bersifat interpersonal dan akhlak. Nilai hormat, ihsan dan keyakinan membentuk teras kepada pembinaan masyarakat beradab, manakala nilai Daya Cipta dan kemampanan menyediakan dimensi dinamik bagi menyesuaikan masyarakat dengan cabaran kontemporari.

Namun demikian, kefahaman nilai yang tinggi ini perlu disokong oleh usaha pendidikan dan pembudayaan nilai supaya ia dapat diterjemahkan kepada penghayatan yang konsisten, dan gagasan Negara Madani tidak kekal sebagai wacana normatif semata-mata. Oleh itu, pengukuhan nilai MADANI memerlukan pendekatan pendidikan yang bersepadu dan berterusan, melibatkan institusi agama, pendidikan dan komuniti bagi memastikan nilai tersebut berfungsi sebagai budaya hidup masyarakat. Implikasi dapatan ini

terhadap pendidikan nilai, peranan institusi agama dan pembinaan dasar akan dibincangkan dalam bahagian seterusnya.

6.0 IMPLIKASI & CADANGAN

Bahagian ini membincangkan implikasi dapatan kajian terhadap pembinaan masyarakat madani dari perspektif pendidikan nilai, peranan institusi sosial dan keagamaan, serta penggubalan dasar awam. Dapatan yang menunjukkan tahap kefahaman tinggi terhadap nilai Negara Madani dalam kalangan masyarakat Islam Kuala Kangsar memberikan isyarat positif terhadap penerimaan kerangka Malaysia MADANI di peringkat akar umbi. Namun, seperti yang dibincangkan sebelum ini, kefahaman nilai yang dikenal pasti dalam kajian ini perlu disokong oleh usaha pendidikan dan pembudayaan nilai agar ia dapat diterjemahkan kepada penghayatan yang konsisten.

6.1 Implikasi terhadap Pendidikan Nilai dan Pembinaan Akhlak

Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa nilai-nilai yang bersifat interpersonal dan akhlak seperti hormat, Ihsan dan keyakinan lebih dominan dalam kefahaman masyarakat. Implikasi utama dapatan ini ialah pendidikan nilai perlu memanfaatkan kekuatan sedia ada dalam budaya dan tradisi masyarakat setempat. Dalam konteks Islam, pendidikan nilai bukan sekadar pemindahan pengetahuan, tetapi proses *ta'dib* yang bertujuan membentuk insan beradab dan bertanggungjawab.

Institusi pendidikan formal seperti sekolah dan institusi pengajian tinggi perlu mengintegrasikan nilai MADANI secara kontekstual dalam kurikulum dan aktiviti kokurikulum. Pendekatan berasaskan hafalan slogan atau penerangan normatif semata-mata adalah tidak mencukupi. Sebaliknya, pendidikan nilai perlu mengaitkan konsep hormat, Ihsan dan amanah dengan situasi sebenar yang dihadapi oleh pelajar dalam kehidupan seharian. Pendekatan pembelajaran berasaskan pengalaman (*experiential learning*) dan refleksi moral boleh membantu memperkukuh hubungan antara kefahaman kognitif dan penghayatan nilai.

Selain pendidikan formal, pendidikan tidak formal melalui keluarga dan komuniti memainkan peranan yang sama penting. Keluarga sebagai unit asas masyarakat berfungsi sebagai ruang awal pembentukan nilai dan akhlak. Oleh itu, usaha pengukuhan nilai MADANI perlu melibatkan ibu bapa dan penjaga agar pendidikan nilai berlaku secara berterusan dan konsisten antara rumah, sekolah dan komuniti.

6.2 Peranan Institusi Agama dan Komuniti Setempat

Masjid dan institusi agama mempunyai kedudukan strategik dalam membentuk kefahaman dan penghayatan nilai masyarakat Islam, khususnya di kawasan luar bandar seperti Kuala Kangsar. Dapatan kajian yang menunjukkan kefahaman tinggi terhadap nilai hormat dan Ihsan memberikan ruang kepada institusi masjid untuk berfungsi sebagai pusat pendidikan nilai madaniyyah Islam, bukan sekadar tempat ibadah ritual.

Program pengimarahannya seperti kuliah, ceramah dan aktiviti kemasyarakatan boleh disusun secara lebih tematik dengan menekankan hubungan antara nilai MADANI dan ajaran Islam. Sebagai contoh, konsep Ihsan boleh dibincangkan dalam konteks tanggungjawab sosial, kejujuran dalam pekerjaan dan kepedulian terhadap golongan rentan. Pendekatan ini membantu menterjemahkan nilai yang abstrak kepada panduan praktikal dalam kehidupan seharian masyarakat.

Selain masjid, kepimpinan komuniti seperti jawatankuasa kampung, persatuan penduduk dan pertubuhan bukan kerajaan berasaskan komuniti turut berperanan sebagai agen pengukuhan nilai. Kepimpinan yang berintegriti dan berakhlak akan berfungsi sebagai teladan (*qudwah*) yang berkesan dalam mempengaruhi penghayatan nilai masyarakat. Oleh itu, latihan kepimpinan berasaskan nilai madaniyyah Islam wajar diperkenalkan bagi memperkukuh kapasiti pemimpin komuniti dalam menterjemahkan nilai MADANI ke peringkat akar umbi.

6.3 Implikasi terhadap Pembangunan Sosial dan Kesejahteraan Komuniti

Nilai kesejahteraan dan kemampanan yang mencatatkan tahap kefahaman tinggi tetapi relatif lebih rendah berbanding nilai interpersonal menunjukkan keperluan pendekatan yang lebih sistematik dalam pembangunan sosial. Pembangunan komuniti tidak seharusnya dinilai semata-mata berdasarkan indikator ekonomi, tetapi perlu mengambil kira kesejahteraan emosi, kestabilan keluarga dan keharmonian hubungan sosial.

Dalam konteks luar bandar, program pembangunan sosial boleh diselaraskan dengan nilai MADANI melalui inisiatif berasaskan komuniti seperti aktiviti sukarelawan, sokongan sosial untuk keluarga berisiko dan pengukuhan jaringan kejiwaan. Pendekatan ini bukan sahaja meningkatkan kesejahteraan masyarakat, tetapi juga memperkukuh rasa tanggungjawab kolektif yang menjadi teras madaniyyah Islam.

Bagi nilai keMampanan, pendekatan pendidikan nilai yang mengaitkan kelestarian dengan amanah dan tanggungjawab terhadap generasi akan datang adalah lebih berkesan berbanding pendekatan teknokratik. Aktiviti seperti gotong-royong, pengurusan sisa secara lestari dan pemeliharaan alam sekitar berasaskan komuniti boleh berfungsi sebagai medium praktikal untuk menghayati nilai keMampanan dalam kehidupan seharian.

6.4 Implikasi terhadap Dasar Awam dan Pelaksanaan Malaysia MADANI

Dapatan kajian ini turut mempunyai implikasi penting terhadap pelaksanaan dasar Malaysia MADANI di peringkat nasional. Tahap kefahaman tinggi dalam kalangan masyarakat Islam Kuala Kangsar menunjukkan bahawa penerimaan nilai MADANI adalah wujud, namun cabaran utama terletak pada penterjemahan nilai tersebut kepada amalan sosial yang konsisten. Oleh itu, dasar awam perlu memberi penekanan kepada pendekatan *bottom-up* yang melibatkan komuniti setempat dalam perancangan dan pelaksanaan program nilai.

Pelaksanaan Malaysia MADANI tidak seharusnya dilihat sebagai tanggungjawab eksklusif kerajaan, tetapi sebagai usaha bersama yang melibatkan masyarakat sivil, institusi agama dan komuniti. Penyelarasan antara dasar nasional dan inisiatif komuniti akan membantu memastikan nilai MADANI difahami dan dihayati secara lebih bermakna. Selain itu, penilaian berterusan terhadap tahap kefahaman dan penghayatan nilai perlu dijalankan bagi menilai keberkesanan dasar serta menyesuaikan dengan realiti sosial yang berbeza.

Pendekatan dasar yang sensitif kepada konteks budaya dan agama setempat juga penting bagi mengelakkan jurang antara wacana dasar dan realiti masyarakat. Dalam konteks masyarakat Islam, nilai MADANI perlu disampaikan melalui bahasa dan kerangka yang selari dengan ajaran Islam dan tradisi tempatan agar ia diterima sebagai sebahagian daripada identiti sosial, bukan sebagai agenda luaran.

6.5 Cadangan untuk Kajian Masa Hadapan

Berdasarkan dapatan dan keterbatasan kajian ini, beberapa cadangan untuk kajian masa hadapan boleh dikemukakan:

1. Pertama, kajian lanjutan boleh menggunakan pendekatan kualitatif seperti temu bual mendalam atau perbincangan kumpulan fokus bagi meneliti penghayatan nilai Negara Madani secara lebih mendalam.

- Pendekatan ini membolehkan penyelidik memahami makna nilai dari perspektif pengalaman hidup masyarakat.
2. Kedua, kajian perbandingan antara kawasan luar bandar dan bandar boleh dijalankan bagi mengenal pasti perbezaan kefahaman dan penghayatan nilai MADANI dalam konteks sosial yang berbeza.
 3. Ketiga, kajian longitudinal boleh membantu menilai perubahan kefahaman dan penghayatan nilai dari semasa ke semasa, khususnya selepas pelaksanaan program pendidikan nilai dan intervensi komuniti.

7.0 KESIMPULAN

Kajian ini menilai tahap kefahaman masyarakat Islam di Kuala Kangsar, Perak terhadap konsep Negara Madani berdasarkan enam nilai utama yang digariskan dalam kerangka Malaysia MADANI. Berasaskan pendekatan kuantitatif deskriptif, dapatan kajian ini menunjukkan bahawa responden kajian mempunyai tahap kefahaman yang tinggi terhadap konsep Negara Madani, khususnya nilai yang bersifat interpersonal dan akhlak seperti hormat, Ihsan dan keyakinan. Dapatan ini memberikan gambaran positif tentang penerimaan nilai MADANI di peringkat akar umbi serta potensi nilai tersebut untuk diterjemahkan kepada penghayatan sebagai budaya hidup masyarakat.

Dari perspektif madaniyyah Islam, kefahaman tinggi terhadap nilai hormat dan Ihsan menunjukkan bahawa masyarakat masih memiliki asas adab dan kesedaran moral yang kukuh. Nilai-nilai ini bukan sahaja berfungsi sebagai norma sosial, tetapi juga sebagai teras pembentukan akhlak dan tanggungjawab kolektif dalam kehidupan bermasyarakat. Kefahaman terhadap nilai keyakinan pula mencerminkan kesedaran normatif terhadap integriti dan amanah, walaupun penghayatan nilai tersebut memerlukan sokongan berterusan daripada institusi sosial dan kepimpinan komuniti. Sementara itu, nilai Daya Cipta dan kemampanan menyediakan dimensi dinamik yang penting bagi menyesuaikan masyarakat dengan cabaran kontemporari, khususnya dalam konteks perubahan sosial, ekonomi dan alam sekitar.

Kajian ini turut menegaskan bahawa kefahaman nilai tidak boleh difahami secara terpisah daripada konteks budaya dan agama setempat. Dalam masyarakat Melayu-Islam seperti Kuala Kangsar, nilai MADANI lebih mudah difahami dan diterima apabila ia disampaikan melalui kerangka adab, ajaran Islam dan pengalaman hidup seharian. Oleh itu, usaha membina masyarakat madani tidak seharusnya bergantung kepada wacana dasar semata-mata, tetapi memerlukan pendekatan pendidikan nilai yang

bersepadu dan berterusan, melibatkan keluarga, institusi pendidikan, masjid serta kepimpinan komuniti.

Dari sudut sumbangan akademik, kajian ini memperkaya wacana madaniyyah Islam dengan menyediakan bukti empirikal tentang tahap kefahaman nilai Negara Madani dalam konteks luar bandar. Kajian ini menghubungkan kerangka normatif Islam seperti adab, Ihsan dan *maqāṣid al-sharī'ah* dengan realiti sosial masyarakat, sekali gus menunjukkan bahawa gagasan madaniyyah Islam kekal relevan dalam membimbing pembinaan masyarakat beradab dan sejahtera. Selain itu, dapatan kajian ini dapat dijadikan rujukan awal bagi penyelidik dan pembuat dasar dalam merangka strategi pengukuhan nilai MADANI yang lebih kontekstual dan berkesan.

Secara keseluruhan, kajian ini menyimpulkan bahawa pembinaan Negara Madani memerlukan lebih daripada sekadar kefahaman konseptual terhadap nilai. Ia menuntut penghayatan nilai yang konsisten, disokong oleh pendidikan nilai berasaskan agama dan budaya tempatan serta penglibatan aktif institusi sosial. Dengan pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu, nilai MADANI berpotensi berfungsi sebagai asas pembinaan masyarakat Islam yang beradab, seimbang dan bertanggungjawab dalam menghadapi cabaran masa hadapan.

Rujukan

- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. 4 jil. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, tanpa tarikh.
- Abū Ḥāmid al-Ghazālī. *Mīzān al-'Amal*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1997.
- Abū al-Ḥasan al-Māwardī. *al-Aḥkām al-Sulṭāniyyah wa al-Wilāyāt al-Dīniyyah*. Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, 1989.
- Abū Naṣr al-Fārābī. *Ārā' Ahl al-Madīnah al-Fāḍilah*. Beirut: Dār al-Mashriq, 1985.
- al-Qur'ān al-Karīm.
- al-Shāṭibī, Ibrāhīm ibn Mūsā. *al-Muwāfaqāt fī Uṣūl al-Sharī'ah*. 4 jil. Beirut: Dār al-Ma'rifah, 1997.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. *Islam and Secularism*. Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought and Civilization (ISTAC), 1993.
- Babbie, Earl. *The Practice of Social Research*. 14th ed. Boston, MA: Cengage Learning, 2016.
- Cohen, Louis, Lawrence Manion, and Keith Morrison. *Research Methods in Education*. 8th ed. London: Routledge, 2018.

- Creswell, John W. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. 4th ed. Thousand Oaks, CA: Sage Publications, 2014.
- Giddens, Anthony. *The Consequences of Modernity*. Cambridge: Polity Press, 1990.
- Hair, Joseph F., William C. Black, Barry J. Babin, and Rolph E. Anderson. *Multivariate Data Analysis*. 7th ed. Harlow: Pearson Education, 2014.
- Hsieh, Hsiu-Fang, and Sarah E. Shannon. "Three Approaches to Qualitative Content Analysis." *Qualitative Health Research* 15, no. 9 (2005): 1277–1288. <https://doi.org/10.1177/1049732305276687>.
- Ibn Khaldūn, ‘Abd al-Raḥmān ibn Muḥammad. *al-Muqaddimah*. Beirut: Dār al-Fikr, 2004.
- Ibn Miskawayh, Aḥmad ibn Muḥammad. *Tahdhīb al-Akhlāq wa Taṭhīr al-A‘rāq*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, 2003.
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. *Malaysia MADANI: Memperkasa Rakyat*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, 2023.
- Jabatan Perdana Menteri Malaysia. *Hala Tuju Negara: Kerangka Malaysia MADANI*. Putrajaya: Jabatan Perdana Menteri, 2023.
- Junaidi Awang Besar. *Cultural Continuity and Malay Rural Values*. Kuala Lumpur: University of Malaya Press, 2023.
- Muslim ibn al-Ḥajjāj. *Ṣaḥīḥ Muslim*. Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, tanpa tarikh.
- Norani Othman. *Sharing the Nation: Faith, Difference, Power and the State 50 Years after Merdeka*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD), 2008.
- Welsh, Bridget. "Year Two of Anwar Ibrahim’s Madani Government: Reform, Resistance and the Road Ahead." Kuala Lumpur: Asia Research Institute / commentary paper, 2024.